

Kerajaan sedia kaji kawasan takungan air bawah tanah

KUALA LUMPUR - Kerajaan pusat sedia mengkaji kawasan takungan air bawah tanah sebagai sumber alternatif bagi menangani masalah bekalan air seperti dicadangkan oleh kerajaan negeri Selangor.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel bagaimanapun berkata, ia bergantung kepada kerajaan negeri bagaimana ia mahu melaksanakan rancangan itu kerana soal tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Kementerian boleh berbincang dengan kerajaan negeri sekiranya kita dapat menggunakan air bawah tanah sebagai sumber alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air," katanya.

Palanivel berkata, beliau akan berjumpa dengan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim me-

 **Kementerian boleh berbincang dengan kerajaan negeri sekiranya kita dapat menggunakan air bawah tanah sebagai sumber alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air."**

- Palanivel

ngenai rancangan takungan air bawah tanah selepas mesyuarat kabinet.

Selain itu, katanya, kerajaan dan pemain industri boleh membantu membiayai sistem penuaian hujan dan kitar semula air hujan di kawasan perindustrian dan perumahan sebagai salah satu penyelesaian kepada masalah kekurangan bekalan air. - Bernama